

POLITEKNIK METrO TASIK GELUGOR e LEARNING OFFICER /PEGAWAI e PEMBELAJARAN POLITEKNIK METrO TASIK GELUGOR



TASIK GELUGOR, PULAU PINANG

Nama: Suhaila bt. Hj. Sarif

Institusi: Politeknik METrO Tasek Gelugor

CABARAN e-LEARNING & HARAPAN MENJADI PEGAWAI eLEARNING & TEAM e-Learning JPP

Penubuhan Politeknik METrO adalah seiring dengan agenda transformasi negara iaitu meningkatkan daya saing melalui pembangunan ekonomi berpendapatan tinggi terutamanya dalam aspek menjana modal insan yang serba boleh dan mampu berubah dalam persekitaran pasaran kerja yang dinamik. Pembelajaran di Politeknik METrO akan mengutamakan kaedah *Blended Learning* (Pembelajaran Teradun) dan menjurus kearah Open *Distance Learning* (ODL) dalam kerangka e-pembelajaran. Sebagai seorang pegawai e-pembelajaran di Politeknik METrO, adalah menjadi satu cabaran dan juga tugas berat yang harus di tempuhi dengan penuh dedikasi dan berupaya untuk mencapai agenda politeknik sekaligus mencapai KPI *Blended Learning*. Selaras dengan itu, semua pihak bermula dari pengurusan politeknik, pensyarah dan juga pelajar hendaklah bersatu hati dan bersama-sama di dalam mengerakkan agenda ini. Semoga setiap perancangan kearah membudayakan *Blended Learning* akan berjaya dengan cemerlang.